

30 SEP 1996  
Moggie-Tenaga  
TENAGA NASIONAL SUSUN SEMULA OPERASINYA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad telah melaksanakan penyusunan semula sebahagian daripada operasinya dengan mengasingkan aktivitinya kepada tiga bahagian utama iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian.

Beliau berkata operasi ketiga-tiga bahagian utama itu bukan dalam bentuk syarikat berasingan tetapi sebagai unit-unit berasingan.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Persidangan Telekomunikasi Malaysia '96 di sini hari ini.

Moggie berkata Tenaga Nasional dikehendaki mengemukakan pelan penyusunan semula kepada lembaga pengarah terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada para pemegang saham, kerajaan, Perbadanan Menteri Kewangan dan Kesana.

Pada 12 Sept, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa laporan mengenai Tenaga Nasional menyusun semula aktivitinya dibuat terlalu awal.

Anwar berkata rancangan untuk menyusun semula Tenaga adalah cerita lama tetapi setelah Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali mengambil alih jawatan sebagai ketua pegawai eksekutif, adalah wajar beliau diberi masa untuk menanganinya dan mengemukakan cadangan baru.

Beliau juga berkata Perbadanan Menteri Kewangan yang memegang saham terbesar dalam syarikat itu belum membuat sebarang keputusan mengenai penyusunan semula itu tetapi pengurus besar kanan kewangan Tenaga, Rohailan Mohamed membuat kenyataan mengenai perkara itu di satu forum petroleum serantau di Singapura.

Rohailan berkata Tenaga sedang menyusun semula aktiviti penjanaan, penghantaran dan pembahagiannya menjadi tiga unit utama supaya lebih berkesan dari segi kawalan dan pengurusan.

Mengenai kadar bayaran yang akan dikenakan oleh Telekom Malaysia kepada pengguna Internet, Moggie menyifatkan cadangan mengenainya agak munasabah "tetapi kita akan kaji semula dan saya telah meminta Jabatan Telekom sebagai badan kawalselia mengkajinya dan berikan saya pandangan".

Mengenai penangguhan majlis menandatangani perjanjian kejuruteraan, perolehan dan pembinaan projek hidroelektrik Bakun, Moggie menafikan ia disebabkan masalah pembiayaan.

Katanya, majlis menandatangani perjanjian itu terpaksa ditangguh kerana peguam dan kontraktor terbabit mahu menghalusi kandungan perjanjian itu dan bersetuju mengadakan mesyuarat petang ini.

"Saya tidak fikir ia masalah pembiayaan, tetapi ia adalah soal menyusun kandungan perjanjian kerana para peguam mahu menggunakan bahasa perundangan yang sesuai," katanya.

Majlis menandatangani perjanjian projek bernilai RM13.5 ribu juta itu antara Perbadanan Hidroelektrik Bakun (BHC) dan konsortium ABB-CBPO (Asea Brown Boveri Companhia Brasileira de Projectos e Obras) akan disaksi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

BHC mengandungi Ekran Berhad, kerajaan negeri Sarawak, Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (SESCO), Tenaga Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan Malaysia Mining Corporation (MMC). -- BERNAMA

ZAB OBA